

PENENTUAN JAM KREDIT BAGI PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT SEBAGAI HUKUMAN ALTERNATIF TERHADAP KANAK-KANAK YANG BERKONFLIK DENGAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Norazla Abdul Wahab

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norazla@kuis.edu.my

Mohd Al-Adib Samuri

Universiti Kebangsaan Malaysia
al_adib@ukm.my

YM Tengku Noor Azira Tengku Zainudin

Universiti Kebangsaan Malaysia
tna@ukm.edu.my

Anita Abdul Rahim

Universiti Kebangsaan Malaysia
aar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Perintah khidmat masyarakat merupakan satu bentuk hukuman alternatif yang telah digunapakai oleh kebanyakan negara di seluruh dunia sejak 1970-an lagi. Perintah ini turut diperkenalkan di Malaysia sekitar tahun 2007 menerusi pindaan seksyen 293 (1)(e)(i) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006. Namun ia hanya terpakai kepada pesalah muda yang berusia di antara 18 hingga 21 tahun. Walaupun masih tiada peruntukan undang-undang yang jelas berkaitan perintah ini terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, namun perintah ini berpotensi untuk digunapakai terhadap kanak-kanak berdasarkan teori pemulihan yang mendasari perintah ini sekaligus dilihat lebih bersesuaian dalam memelihara kepentingan kanak-kanak itu sendiri. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis salah satu isu perundangan berkaitan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat iaitu penentuan jumlah jam kredit pelaksanaan perintah apabila perintah ini digunapakai pada masa hadapan sebagai satu bentuk hukuman alternatif terhadap pesalah kanak-kanak. Hasil kajian mendapati bahawa tiada keseragaman bagi kebanyakan negara di seluruh dunia dalam menentukan jumlah maksimum dan minimum jam kredit bagi pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ini terhadap pesalah kanak-kanak. Sesetengah negara menetapkan jumlah maksimum jam kredit pelaksanaan perintah khidmat masyarakat adalah di antara 80 hingga ke 150 jam manakala jumlah minimum jam kredit pula ialah di antara 8 hingga 10 jam. Kajian ini adalah signifikan dalam merangka satu garis panduan lengkap berkaitan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat terhadap pesalah kanak-kanak untuk dijadikan rujukan oleh badan-badan pelaksana perintah seperti Majistret di Mahkamah Kanak-kanak dan Pegawai akhlak di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kata kunci: *Perintah Khidmat Masyarakat, Pesalah kanak-kanak, Jam Kredit*

1. Pendahuluan

“The problem of that unfortunate part of our young men who fall into antisocial tendencies presents an inspiring challenge. It can be solved. Instead of 70 percent of our youth offenders developing into hardened criminals, more than 70 percent can be rehabilitated and made useful members of society. What a saving! In dollars and cents, yes, but what is more important, a saving of human values and a strengthening of the foundations of our society. The youth of today will be the men and women of tomorrow. To them alone can we pass on our priceless heritages. Shall we do our full part to make more of them worthy successors?”

Petikan oleh Hakim Orie L. Phillips di atas (Gottshall, 1962) memberikan gambaran bahawa aspek utama yang perlu diberikan perhatian dalam menangani masalah salah laku dan perlakuan jenayah di kalangan kanak-kanak ialah pemulihan pesalah itu sendiri. Peningkatan kes salah laku dan perlakuan jenayah di kalangan remaja dan kanak-kanak kebelakangan ini, memberi signal bahawa transformasi perlu dilakukan terhadap sistem keadilan jenayah sedia ada. Penghakiman bagi pesalah kanak-kanak perlu diberi nafas baru dengan memberikan tumpuan utama kepada aspek pemulihan pesalah.

Hukuman penjara atau tahanan institusi tidak begitu ideal dengan naluri seorang kanak-kanak (Brown, 1998) walaupun ia sebagai hukuman akibat keingkaran dalam melaksanakan suatu perintah (Thomas, 2001). Pemenjaraan hanya akan meninggalkan kesan negatif terhadap emosi kanak-kanak itu sendiri (Samuri,2012). Mereka akan terpisah dari keluarga, rakan-rakan dan anggota masyarakat (Norazla et al, 2014) sedangkan seorang kanak-kanak itu perlu kepada bimbingan orang dewasa yang bertanggungjawab dan penyayang (Kurz,2000) seperti ibubapa. Proses pemulihan pesalah juga tidak dapat berjalan dengan baik akibat dari ketiadaan program seumpamanya sepanjang mereka berada di dalam tahanan penjara (Norazla, 2014).

Zaman kanak-kanak adalah fasa penting untuk mereka membesar dan berkembang (Samuri,2013). Seorang pesalah kanak-kanak tidak boleh dianggap sebagai musuh kepada masyarakat umum sebaliknya mereka perlu dipulihkan, dibimbing dan dilindungi (Mohd Al-Adib,2013). Penggunaan “*out of home placement*” adalah langkah terakhir yang disarankan dalam usaha untuk memulihkan pesalah kanak-kanak (Kurz,2000). Ini bertepatan dengan standard piawaian antarabangsa yang digariskan di dalam Peraturan 1.4 dan 1.5 United Nations Standard Minimum Rules for Non-custodial Measures atau dikenali sebagai “Tokyo Rules” yang menggalakkan penggunaan “*non-custodial punishment*” bagi menjamin hak pesalah, hak mangsa, keselamatan awam dan pencegahan jenayah.

Walaupun perintah khidmat masyarakat ini masih baru di Malaysia (Sidhu,2007), namun elemen seperti hukuman, pemulihan dan penginsafan yang terkandung di dalam perintah ini dilihat lebih signifikan dalam proses pemulihan pesalah (Samuri,2012) selain mencegah mereka daripada mengulangi kesalahan jenayah dan mengembalikan mereka ke pangkuan masyarakat. Teori pemulihan yang mendasari perintah ini dilihat sangat ideal terhadap pesalah kanak-kanak selain ia bertujuan untuk memulihkan pesalah sekaligus mengawal masyarakat keseluruhannya dalam membendung perlakuan jenayah (Samuri,2012). Pesalah kanak-kanak ini perlu diberi ruang dan peluang untuk memperbaiki diri mereka kerana pengalaman singkat mereka di dalam kehidupan sedikit sebanyak dapat membantu mereka untuk segera dipulihkan (Samuri,2013).

Perintah khidmat masyarakat mula diperkenalkan pada tahun 2007 menerusi pindaan seksyen 293(1)(e) Akta Kanun Tatacara Jenayah. Namun, menurut seksyen 293(1)(e)(i) tersebut, ia hanya dilaksanakan terhadap pesalah muda yang berusia 18 hingga 21 tahun. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pernah mencadangkan untuk meminda Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) sekitar Julai, 2011 iaitu dengan memansuhkan hukuman penjara bagi pesalah kanak-kanak sebaliknya menggantikannya dengan perintah khidmat masyarakat (Utusan Malaysia, 2011). Terdahulu, pindaan tersebut pernah dicetuskan di dalam Dewan Rakyat ketika mesyuarat ketiga parlimen kesebelas, penggal keempat pada 22 November 2007. Pada Julai 2015, sekali lagi Menteri Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim memberikan cadangan agar pesalah di bawah umur 18 tahun dikenakan hukuman khidmat masyarakat selama beberapa jam (Adam, 2015).

Sehingga artikel ini ditulis, masih tiada peruntukan undang-undang yang jelas berkaitan perintah khidmat masyarakat terhadap pesalah kanak-kanak. Seksyen 91 Akta 611 yang memperuntukkan kuasa kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman terhadap pesalah kanak-kanak juga senyap mengenai perkara ini. Namun, perintah ini sebenarnya mempunyai potensi untuk menjadi salah satu bentuk hukuman alternatif terhadap pesalah kanak-kanak di Malaysia. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis salah satu isu perundangan berkaitan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat iaitu penentuan jumlah jam kredit apabila perintah ini digunapakai sebagai satu bentuk hukuman alternatif terhadap pesalah kanak-kanak pada masa hadapan.

2. Soroton Literatur

Kajian awal menunjukkan perintah khidmat masyarakat mula diperkenalkan di mahkamah Majistret England dan Wales pada tahun 1972 menerusi peruntukan di dalam Criminal Justice Act 1972 (Perrier & Pink, 1985) dan di New Zealand, Australia dan Spain sekitar tahun 1980an (Blay, 2008). Malah perintah ini sudah digunapakai sebagai hukuman alternatif terhadap pesalah kanak-kanak sejak tahun 1970an lagi di Amerika Syarikat, Switzerland dan Britain (Silberman, 1986; Harris & T. Wing Lo, 2002; Bergman, 1975). Ini memberi dimensi baru kepada sistem keadilan jenayah di kebanyakan negara yang dilihat lebih menitikberatkan aspek pemulihan pesalah kanak-kanak dengan mengintergrasikan mereka dengan masyarakat (Perrier & Pink, 1985; Hurd & Miller, 1981).

Perintah ini sangat bersesuaian dalam memelihara kepentingan seorang kanak-kanak (Maguire M. & Brown S., 1998). Selain menitikberatkan aspek pemulihan pesalah (Silberman, 1986; Sidhu, 2007; Samuri, 2012; Mohd Al-Adib & Noor Aziah, 2014), ia dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan (Miller, 1981) apabila pesalah kanak-kanak tidak dipisahkan daripada ahli keluarga yang berperanan untuk membina kepercayaan, memupuk nilai dan rasa ketuanpunyaan dalam diri mereka (Kurz, 2000). Begitu juga hubungan pesalah dengan anggota masyarakat yang lain (Flacks, 2006).

Dalam kajian lepas terdapat cadangan untuk menjadikan perintah khidmat masyarakat sebagai salah satu hukuman alternatif terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang (Mimi Kamariah; 2002; Samuri, 2012; Samuri, 2012; Anita et al. 2013, Anita et al. 2013; Mohd Al-Adib & Noor Aziah, 2014; Norazla et al 2014.) Namun, tidak banyak kajian mendalam yang

International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2015). (ISBN 978-967-0850-24-5). 1-2 December 2015, Bayview Hotel, Langkawi, MALAYSIA. 123

ditulis mengenai perintah khidmat masyarakat di kalangan pesalah kanak-kanak di Malaysia lebih-lebih lagi berkaitan isu pelaksanaan perintah khidmat masyarakat. Kebanyakan penyelidik membincangkan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat terhadap pesalah dewasa yang dan pesalah muda berbanding pesalah kanak-kanak itu sendiri. Walaubagaimana pun, kajian Samuri (2012), Anita et al (2013) dan Norazla et.al (2014) ada membincangkan secara ringkas beberapa isu seperti teori, kerangka perundangan ,halatuju perintah khidmat masyarakat di Malaysia, jenis kesalahan yang dikenakan perintah, pemantauan oleh badan yang bertanggungjawab, jumlah jam kredit dan aktiviti khidmat masyarakat.

3. Metodologi, Perbincangan dan Dapatan Kajian

3.1 Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk analisis data di mana isu perundangan berkaitan penentuan jam kredit bagi pelaksanaan perintah khidmat masyarakat terhadap pesalah kanak-kanak di Malaysia akan dianalisis dengan lebih mendalam. Kajian ini akan merujuk kepada beberapa praktis dan modul pelaksanaan perintah khidmat masyarakat terhadap pesalah kanak-kanak yang digunapakai oleh negara-negara yang terlebih dahulu mempelopori perintah ini seperti Amerika Syarikat, New Zealand, Australia, United Kingdom dan sebagainya.

3.2 Perbincangan dan Dapatan Kajian

Terdapat beberapa isu perundangan berkaitan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat. Namun artikel ini hanya akan menganalisis isu penentuan jumlah jam kredit pelaksanaan perintah terhadap pesalah kanak-kanak seperti jumlah jam kredit minimum dan maksimum perintah, bilangan jam pelaksanaan perintah dalam sehari dan penentuan hari pelaksanaan perintah.

3.2.1 Kerangka Perundangan Perintah Khidmat Masyarakat

Menurut seksyen 293(1)(e)(i) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593), perintah khidmat masyarakat ialah satu kerja, khidmat atau arahan yang dilakukan untuk kebaikan komuniti secara keseluruhannya termasuk apa-apa kerja yang dilakukan kepada penjara atau pihak berkuasa tempatan . Perintah yang dilaksanakan terhadap pesalah muda yang berusia 18 hingga 21 tahun ini memerlukan pesalah menjalankan aktiviti khidmat masyarakat seperti pemuliharaan kawasan, bangunan dan lanskap, pembaikan kecil, *housekeeping*, penyajian makanan, jagaan atau pengurusan penghuni mengikut jumlah jam yang telah ditetapkan; iaitu tidak melebihi 240 jam tanpa bayaran di institusi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dalam konteks Malaysia, masih tiada kerangka perundangan yang jelas mengenai pelaksanaan perintah khidmat masyarakat terhadap pesalah kanak-kanak. Samuri (2012) menjelaskan bahawa perintah khidmat masyarakat boleh digunapakai berdasarkan peruntukan di dalam seksyen 93(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001 dan seksyen 293 Akta Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593). Namun penggunaan seksyen 293 Akta 593 tersebut mungkin boleh dipertikaikan kerana perintah khidmat masyarakat telah diperuntukan secara jelas kepada pesalah muda yang berusia 18 hingga 21 tahun (Samuri, 2012) dan bukannya kepada kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah mengikut definisi yang diberikan di dalam seksyen 2, Akta Kanak-kanak 2001. Manakala seksyen 91 Akta 611 yang memperuntukkan kuasa kepada mahkamah untuk menjatuhkan

hukuman terhadap pesalah kanak-kanak tidak menyenaraikan perintah khidmat masyarakat sebagai salah satu bentuk hukuman yang boleh digunapakai oleh Majistret dalam menjatuhkan hukuman.

Namun para majistret di Mahkamah Kanak-kanak boleh menggunakan mana-mana peruntukan undang-undang di dalam Akta 611 untuk mengeluarkan perintah khidmat masyarakat terhadap pesalah kanak-kanak. Seksyen 96(2) umpamanya telah melarang kanak-kanak berusia 14 hingga 18 tahun untuk menjalani hukuman penjara dengan menyenaraikan beberapa hukuman alternatif seperti percubaan (*probation*), denda, tempat tahanan atau sekolah yang diluluskan, Sekolah Henry Gurney, atau “selainnya” yang mungkin boleh diinterpretasi atau merangkumi perintah khidmat masyarakat. Selain itu, seksyen 93(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001 boleh digunapakai oleh majistret dalam memberikan perintah khidmat masyarakat terhadap pesalah kanak-kanak apabila memasukkan perintah khidmat masyarakat sebagai syarat tambahan yang difikirkan patut oleh Majistret untuk perintah bon berkelakuan baik.

Namun, sebaik-baiknya perintah khidmat masyarakat ini perlu disebut dengan jelas di dalam Akta Kanak-kanak terutamanya di dalam seksyen 91 dan seksyen-seksyen lain yang bersangkutan supaya tidak timbul pertikaian undang-undang ketika menggunakannya kelak (Samuri, 2012) seperti mana seksyen 18(1) dan seksyen 19(1) Akta Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2009 (Akta A1534), apabila perintah khidmat masyarakat diperuntukkan dengan jelas sebagai hukuman kepada pelatih Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) (rata-rata berumur di antara 17 ke 18 tahun) yang gagal menghadirkan diri bagi latihan khidmat negara seperti yang dikehendaki.

3.2.2 Jumlah Minimum dan Maksimum Jam Kredit Perintah

Berdasarkan peruntukan undang-undang, pihak mahkamah merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk menentukan tempoh masa tertentu bagi seseorang pesalah menjalankan perintah khidmat masyarakat. Seksyen 293(1)(e)(i) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 telah memperuntukan tempoh masa untuk menjalani perintah khidmat masyarakat bagi pesalah muda ialah sehingga 240 jam kredit. Ini bermaksud jumlah maksimum jam kredit pelaksanaan perintah ialah 240 jam tetapi jumlah minimum pelaksanaannya tidak dinyatakan di dalam peruntukan tersebut (Sidhu, 2007, Norazla et.al, 2014).

Kebanyakan negara tidak seragam dalam penentuan jumlah minimum dan maksimum jam kredit pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ini. Malah tiada garis panduan atau kaedah khusus yang digunakan untuk menentukan jumlah jam kredit ini. Namun dalam kajian Brennan & Mason (1983) dan Grafl(2007), penentuan jumlah jam kredit perintah khidmat masyarakat dibuat berdasarkan kepada jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pesalah. Walaubagaimana pun, tiada penjelasan bagaimana jumlah jam tersebut dipilih untuk satu-satu jenis kesalahan (Brennan & Mason,1983) dan tiada maklumat mengapa jumlah bilangan jam tersebut ditetapkan sebagai jumlah minimum dan maksimum jam kredit perintah.

Bagi pesalah kanak-kanak di McClean County, Illinois, Amerika Syarikat dan Austria, jumlah jam kredit perintah khidmat masyarakat yang diberikan oleh mahkamah ialah antara 30 hingga 100 atau 120 jam bergantung kepada tahap keseriusan jenayah di mana bagi kesalahan ringan, pesalah akan menjalani perintah khidmat masyarakat antara 8 hingga 40 jam, 40 hingga 60 jam kredit bagi kesalahan sederhana dan bagi kesalahan berat ialah 61 hingga 80 jam (Brennan &

Mason,1983). Manakala di Multnomah County, Oregon, Amerika Syarikat pula, pesalah akan menjalani perintah di antara 24 hingga 80 jam bagi kesalahan kali pertama (Brennan & Mason,1983). Sebagai contoh, perintah khidmat masyarakat sebanyak 24 jam kredit pernah diberikan kepada pesalah kanak-kanak yang menyimpan arak (Brennan & Mason,1983).

Manakala di Kanada, jumlah jam kredit yang diberikan kepada pesalah dalam melaksanakan perintah khidmat masyarakat ialah di antara 30 hingga 150 jam kredit berbanding terdahulu antara 10 hingga 400 jam kredit (Brennan & Mason,1983). Sementara di Britain dan Australia Barat, 40 hingga 240 jam kredit perintah khidmat masyarakat diberikan kepada pesalah dewasa di mana 40 hingga 120 jam kredit bagi kesalahan tidak dipenjarakan (Harris & T. Wing Lo, 2002) dan 121 hingga 240 jam kredit bagi kesalahan yang dipenjarakan (Brennan & Mason,1983). Bagi New Zealand dan Spain, pesalah akan menjalani perintah khidmat masyarakat di antara 8 hingga 200 atau 248 jam (Libreich et al, 1986; Blay, 2008). Selain itu di Ireland, perintah khidmat masyarakat yang dijalankan adalah antara 40 hingga 240 jam dan ia perlu diselesaikan dalam tempoh 12 bulan atau enam bulan bagi perintah berjumlah 120 jam kredit. (Harris & T. Wing Lo, 2002). Di United Kingdom, tempoh minimum pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ialah 40 jam manakala Australia ialah 24 jam kredit.

Melihat kepada pelaksanaan perintah khidmat masyarakat di beberapa buah negara di atas, dapat disimpulkan bahawa jumlah jam kredit pelaksanaan suatu perintah khidmat masyarakat secara umum adalah tidak melebihi 240 jam. Ia selari dengan peruntukan undang-undang sedia ada bagi pesalah muda di Malaysia. Hurd & Miller (1981) dalam kajiannya menolak tempoh pelaksanaan perintah yang panjang sehingga 400 hingga 420 jam. Sebaliknya menegaskan tempoh 80 hingga 120 jam adalah tempoh yang paling ideal untuk menjalani perintah khidmat masyarakat bergantung kepada jenis aktiviti yang dilakukan setiap minggu. Ini turut mengambilkira kesediaan pihak agensi yang terlibat yang mungkin akan rasa terbeban apabila terpaksa menanggung kos pentadbiran bagi pesalah menjalani perintah tersebut sekiranya ia melebihi tempoh 120 jam (Hurd & Miller, 1981).

Sementara itu dalam kajian Leibrich et al (1986), para hakim menganggap pelaksanaan perintah sehingga 200 jam kredit itu sebagai ekstrem dan melampau. Namun jumlah jam kredit yang sedikit, iaitu kurang dari 8 jam umpamanya dianggap tidak berbaloi dan hanya membuang masa (Leibrich et al,1986). Penetapan jumlah jam kredit yang rendah seperti 8 jam dan ke bawah dikhuatiri tidak berupaya menyedarkan dan memulihkan pesalah malah tidak setimpal dengan penggunaan masa dan tenaga oleh badan-badan yang terlibat (Brennan & Mason,1983).

Persoalannya berapakah jumlah jam kredit yang ideal diberikan kepada pesalah kanak-kanak untuk menjalani perintah khidmat masyarakat ini? Secara logiknya bagi pesalah kanak-kanak, jumlah jam kredit pelaksanaan perintah khidmat masyarakat tersebut seharusnya lebih rendah dari jumlah jam kredit yang telah ditentukan terhadap pesalah dewasa atau pesalah muda. Maka kajian ini bersetuju dengan Brennan & Mason (1983), Hurd & Miller (1981) dan Grafl (2007) di mana jumlah maksimum jam kredit bagi pesalah kanak-kanak adalah antara 100 sehingga 120 jam sahaja iaitu lebih kurang separuh dari jumlah maksimum yang dikenakan kepada pesalah muda. Mengambil kira kajian-kajian terdahulu, jumlah minimum jam kredit pelaksanaan perintah mestilah lebih dari 8 jam iaitu antara 9 hingga 10 jam atau dalam perkiraan hari ialah lebih kurang 1 hari setengah sekiranya mengikut formula Umbreit (1981) di mana 1 hari tahanan di dalam penjara adalah bersamaan dengan 6 jam.

Berpandukan formula di atas, simulasi untuk jumlah jam kredit pelaksanaan perintah khidmat masyarakat bagi satu kesalahan ringan yang dihukum penjara 7 hari umpamanya akan didarab dengan 6 jam yang membawa kepada 42 jam kredit perintah khidmat masyarakat bagi pesalah dewasa. Maka bagi pesalah kanak-kanak, kesalahan tersebut akan dibahagi kepada dua atau separuh daripadanya iaitu 21 jam kredit pelaksanaan perintah. Manakala Harris & T. Wing Lo (2002) pula memberikan formula “*one for one*” di mana satu hari hukuman di penjara bersamaan dengan satu hari pelaksanaan perintah. Contohnya, jika hukuman yang dijatuhkan terhadap pesalah adalah hukuman penjara 7 hari, maka perintah khidmat masyarakat tersebut perlu dilaksanakan selama 7 hari juga. Formula “*one for one*” Harris & T. Wing Lo (2002) mungkin dilihat lebih memudahkan pengiraan jumlah jam kredit pelaksanaan perintah berbanding formula Umbreit (1981). Namun formula Umbreit (1981) dilihat cuba meminimumkan jumlah jam kredit pelaksanaan perintah khidmat masyarakat namun ia bergantung kepada bilangan jam yang perlu dilakukan dalam tempoh sehari.

3.2.3 Bilangan Jam Pelaksanaan Perintah Dalam Sehari

Kajian lepas menunjukkan tiada bilangan jam yang tertentu ditetapkan dalam sehari pelaksanaan perintah khidmat masyarakat. Pesalah akan menjalani aktiviti khidmat masyarakat mereka selama enam (Umbreit, 1981) atau lapan (Blay, 2008; Harris & T. Wing Lo, 2002) jam tetapi tidak kurang dari empat jam sehari (Blay, 2008). Kebiasaannya perintah ini akan bermula pada sebelah pagi sekitar jam lapan (Leibrich et al, 1986) dan berakhir selepas empat, enam atau lapan jam berikutnya. Bagi pesalah kanak-kanak tempoh empat jam sehari adalah memadai iaitu mengambil kira tempoh yang paling minimum pelaksanaan perintah dalam sehari.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya terdapat alasan yang munasabah atau perkara yang menghalang pesalah dari menjalankan perintah khidmat masyarakat pada minggu tersebut seperti acara pengebumian, mesyuarat penting, hal rasmi, upacara khas atau majlis-majlis keraian komuniti (Israel et al, 2002), pesalah mempunyai kelonggaran untuk tidak menjalankan aktiviti tersebut tetapi perlu memaklumkan ketidakhadiran mereka kepada pegawai pemantau yang terlibat. Perintah tersebut akan ditangguhkan pada minggu berikutnya tanpa menafikan tempoh tamat perintah khidmat masyarakat tersebut perlu disempurnakan. Di Ireland contohnya, perintah khidmat masyarakat yang dijalankan antara 40 hingga 120 atau 240 jam perlu diselesaikan dalam tempoh enam hingga 12 bulan (Harris & T. Wing Lo, 2002).

3.2.4 Penentuan Hari Pelaksanaan Perintah

Tiada penentuan hari yang khusus bilakah perintah khidmat masyarakat ini akan dilaksanakan oleh pesalah dalam kajian-kajian lepas. Perintah ini boleh dijalankan mengikut waktu yang telah ditetapkan oleh badan terlibat seperti hari-hari biasa sepanjang minggu terutamanya pada sebelah petang atau kebiasaannya pada setiap hujung minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad (Leibrich et al., 1986). Di Malaysia, perintah khidmat masyarakat ini akan diadakan setiap hujung minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad di mana merupakan hari lapang pesalah dan hari di mana pesalah kebiasaannya tidak ke sekolah atau tidak terlibat dengan mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Bagi pesalah kanak-kanak seharusnya perintah ini dijalankan pada hujung minggu bagi mengelakkan pertembungan dengan hari-hari persekolahan.

Sementara itu di New Zealand, pesalah dikehendaki melapor diri seawal jam 8 pagi pada setiap hari Sabtu untuk menjalankan aktiviti khidmat masyarakat mereka (Leibrich et al., 1986).

Berbeza di Australia, apabila perintah khidmat masyarakat ini diadakan selama satu minggu pada setiap satu bulan (Israel et al., 2002). Sementara itu di Amerika Syarikat, perintah khidmat masyarakat akan diadakan di antara empat, lima atau enam hari seminggu (Maloney, 2007). Manakala di Victoria dan Australia Barat, pesalah akan menjalani perintah di pusat pemulihan komuniti selama 12 jam seminggu (Israel et al., 2002; Harris & T., 2002).

Menurut Leibrich et al., 1986, setiap pesalah berhak untuk menentukan masa lapang mereka sendiri bagi membolehkan mereka menjalani perintah khidmat masyarakat ini dengan jayanya. Walaubagaimana pun, sekiranya pelaksanaan perintah tersebut ditentukan mengikut masa lapang pesalah, pegawai yang terlibat dalam mengawasi pesalah mungkin berdepan dengan sedikit kesukaran untuk mengumpulkan pesalah-pesalah lain yang juga terlibat dalam menjalani aktiviti masyarakat yang sama lebih-lebih lagi apabila aktiviti khidmat masyarakat ini kebiasaannya dijalankan secara berkumpulan pada hari yang sudah ditetapkan seperti hari Sabtu dan Ahad. Namun perkara ini boleh ditangani dengan baik sekiranya mendapat kerjasama erat dari institusi yang terlibat di mana pengawasan pesalah turut dibantu oleh institusi terbabit dan kesediaan pegawai pemantau itu sendiri bekerja mengikut masa lapang pesalah bagi memastikan matlamat untuk memulihkan pesalah serta melibatkan mereka dengan masyarakat dapat berjalan dengan baik dan lancar.

4. Kesimpulan dan Cadangan

Dalam memelihara kepentingan kanak-kanak, Maloney (2007) menetapkan bahawa setiap perkara yang ingin dilakukan terhadap pesalah kanak-kanak mestilah mendatangkan kesan yang positif kepada kanak-kanak tersebut. Apa sahaja bentuk hukuman yang ingin dikenakan kepada mereka mesti bertujuan untuk memulihkan pesalah kanak-kanak selain turut memberi tumpuan utama kepada aspek pembangunan diri dan keselamatan kanak-kanak itu sendiri (Maloney, 2007). Atas dasar itu, maka perintah khidmat masyarakat merupakan satu bentuk hukuman yang paling sesuai untuk diberikan kepada pesalah kanak-kanak. Pemberian maksimum 100 hingga 120 jam kredit (Brennan & Mason, 1983; Hurd & Miller, 1981; Grafl, 2007) kepada pesalah kanak-kanak untuk melaksanakan perintah khidmat masyarakat adalah berpatutan. Namun bagi kanak-kanak yang melakukan kesalahan serius, perintah khidmat masyarakat mungkin boleh diberikan kepada mereka tetapi dengan peningkatan jumlah jam kredit yang setara dengan jumlah maksimum jam kredit bagi pesalah muda iaitu 240 jam. Bagi pesalah kanak-kanak tempoh empat jam sehari adalah memadai dan seharusnya perintah ini dijalankan pada hujung minggu bagi mengelakkan pertembungan dengan rutin dan hari persekolahan.

Akhirnya, kajian ini mendapati perintah khidmat masyarakat adalah satu bentuk hukuman alternatif yang bersesuaian dan bermanfaat kepada pesalah kanak-kanak. Namun bagi memastikan kejayaan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ini, isu perundangan seperti jumlah jam kredit pelaksanaan perintah wajar diberi perhatian serius. Seiring dengan perkembangan sistem keadilan jenayah di serata dunia mutakhir ini yang telah melaksanakan perintah khidmat masyarakat sebagai satu bentuk hukuman alternatif terhadap pesalah muda dan pesalah kanak-kanak, Malaysia perlu bersedia untuk mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat ini.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah salah satu hasil dari penyelidikan Doktor Falsafah yang sedang dilakukan oleh penyelidik. Pembentangan kertas kerja ini adalah dari dana Seksyen Latihan dan Pembangunan (SLP) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

RUJUKAN

- Adam Abu Bakar. Larangan Sebat Dalam Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001. freemalaysiatoday(atas talian). <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2015/07/27/larangan-sebat-dalam-pindaan-akta-kanak-kanak-2001/>. 27/7/2015.
- Anita Abdul Rahim, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin & Mohamad Afiq Taqiudin Roslan (2013). The Extent of the Application of Community Service Order as an Alternative Punishment in Malaysia, *Mediterranean Journal of Social Sciences*,10(4):154-159.
- Anita Abdul Rahim, Tg Noor Azira Tg Zainudin, Mohd Al AdibSamuri & Adibah Abdul Rahim (2013). Community Service as an Alternative Punishment: The Extent of its Application on the Categories of Crime and Offender in Malaysia. *International Journal of Education and Research*. (1)7:1-8.
- Bergman, (1975), Community Service in England, an Alternative Custodial Sentence, *Federation Probation*. 39:43-46.
- Blay E.(2008). Work For The Benefit Of The Community As A Criminal Sanction In Spain. *Journal of Community and Criminal Justice*. 155(3): 245–258.
- Brennan & Mason,1983.Community Service: A Developing Concept. *Fed. Probation* 47:47-57.
- Brown, M. M. S. (1998). Understanding Youth and Crime; Listening to Youth. Buckingham, Open University Press.
- Flacks. 2006. 'Combining Retribution and Reconciliation: The Role of Community Service Sentencing in Transitional Justice', *Interdisciplinary Journal of Human Rights Law*, 1 (1) :1-26.
- Grafl C. (2007) Community Service In Austria: Main Results Of A Feasibility Study. *Journal of Community and Criminal Justice , Probation Journal* 54: 251-262
- Gottshall. 1962. Sentencing the Youth and Young Adult Offender. *Federation Probation*.26:17-22.
- Harris R.J & T. Wing Lo (2002). Community Service: Its Use in Criminal Justice. *International Journal of Offender Therapy & Comparative Criminology*, 46: 427-444.
- Hurd J.L & Miller D.K (1981).Community Service: What, Why, and How. *Federation Probation*. 45:39-41
- International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2015).(ISBN 978-967-0850-24-5). 1-2 December 2015, Bayview Hotel, Langkawi, MALAYSIA.

- Israel, Mark & Dawes, John, (2002) , `Something From Nothing' : Shifting Credibility In Community Correctional Programmes In Australia, *Criminology and Criminal Justice* . 2: 5-25.
- Kurz, 2000. *The 8% Solution Preventing Serious Repeat Juvenile Crime*, Edisi ke, Sage Publication California.
- Leibrich J , Burt Galaway, & Yvonne, (1986), *Underhill Community Service Sentencing In New Zealand: A Survey Of Users*, *Fed Probation*. 50:55-64.
- Maguire M. & Brown S. , (1998), *Understanding Youth and Crime; Listening to Youth*, Open University Press, Buckingham.
- Miller (1981). *Community Service: What, Why, and How'*, *Federal Probation*, 45: 39-41.
- Mohd Al-Adib Samuri & Noor Aziah Mohd Awal. 2014. *Berkeras Patah Berlembut Lentur. Perintah bagi Pesalah Kanak-kanak*. Bangi. Penerbit UKM. 211-212.
- Maloney.D, (2007), *Restorative Community Service: Earning Redemption, Gaining Skills, and Proving Worth*. *Justice Alert*. 15(4): 214-219
- Norazla Abdul Wahab, Mohd Al Adib Samuri, Zuliza Mohd Kusrin & Anita Abdul Rahim (2014), *Legal Issues in Implementing the Community Service Orders for Child Offenders in Malaysia'*, *Asian Social Science*, 10 (4) : 93-101.
- Perrier, D. C., & Pink, F. S. (1985). *Community service: All Things To All People*. *Federation Probation*, 49: 32-38.
- Samuri MAA, (2012) . *Perintah Khidmat Masyarakat Bagi Kanak-Kanak Yang Berkonflik Dengan Undang-Undang: Teori, Kerangka Perundangan Dan Halatuju Di Malaysia* *Jurnal Undang-Undang*. 16: 5-18.
- Samuri, M. A. A. (2012). *Community Service Order for Juvenile Offenders: Theoretical and Legal Frameworks*. *Journal of Applied Science*, 7(2):126-131.
- Samuri MAA, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar, Noor Aziah Mohd Awal, Fariza Md. Sham.(2012). *Legal Issues in Sentencing Child Offenders in Malaysia*. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6 (7) : 1093-1098.
- Samuri MAA, Zuliza Mohd Kusrin, Noor Aziah Mohd Awal, Amir Husin Bin Mohd Nor, Salasiah Binti Hanin Hamjah & Zaizul Bin Ab Rahman (2013). *The Rehabilitation Theory in Adjudicating Child Offenders and Its Application in Malaysia*, *Asian Social Science*, 9 (15) :156-165.
- Sidhu. 2007. *Amendments to the Criminal Procedure Code: Radical or Piecemeal Legislation*. *Malayan Law Journal*. 7:1-13
- International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2015).(ISBN 978-967-0850-24-5). 1-2 December 2015, Bayview Hotel, Langkawi, MALAYSIA. 130

Silberman, Sharon. (1986). Community Service As An Alternative Sentence For Juveniles, New England Journal on Criminal & Civil. 12:124-150

Thomas (2001), Supervising Child Sex Offenders in the Community - Some Observations on Law and Practice in England and Wales, the Republic of Ireland and Sweden, European Journal of Crime, Criminal Law and Criminal Justice, 9 (1) : 69-90

Utusan Malaysia (atas talian), Pinda Akta Elak Kanak-kanak Dipenjara, Utusan Malaysia (atas talian), http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0727&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm . 27/7/2011.

Umbreit M.S, (1981). Community Service Sentencing: Jail Alternative Or Added Sanction? Federation Probation 45 :3-14.

Dokumen

Penyata rasmi Parlimen (Dewan Rakyat) bertarikh 22 November 2007 (Khamis), Bilangan ke-70

Statut

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)

Akta Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593).